

## **Perspektif Islam: Krisis Makanan Dunia**

Mohd Aidil bin Abdul Aziz, Mohamad Rizal bin Mohamed Nor

*Jabatan Pengurusan, Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat  
Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak.*

*Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam  
Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak.*

**ABSTRAK:** *Krisis makanan iaitu kekurangan makanan dan kenaikan harga makanan bukan lagi bersifat krisis domestik bagi negara tertentu tetapi telah menjadi krisis antarabangsa. Krisis ini bukan sahaja menimbulkan masalah kelaparan dan kekurangan zat makanan, malah bakal menggugat keselamatan awam sesebuah negara. Menyedari akan hakikat tersebut, penulisan ini bertujuan untuk membincangkan beberapa faktor yang menyebabkan krisis makanan ini dan pendekatan Islam untuk menangani krisis tersebut. Secara umumnya, kajian ini berbentuk kualitatif berasaskan data-data dan maklumat daripada kajian kepustakaan. Pendekatan berteraskan Maqasid al-Syari'ah turut diutarakan memandangkan terdapat perbincangan menurut perspektif Islam. Hasil daripada penelitian, didapati pendekatan negara-negara tertentu dalam menangani krisis ini terdapat persamaannya dengan pendekatan Islam seperti galakan pertanian, larangan penyorokan barang, jualbeli makanan mengikut keperluan sebenar, mekanisme agihan makanan yang adil dan polisi sekuriti makanan yang diamalkan oleh Nabi Yusuf a.s.*

**KATA KUNCI :** *Krisis makanan, pendekatan Islam, pertanian, sekuriti makanan, Buku Hijau*

### **I. PENDAHULUAN**

Krisis makanan iaitu kenaikan harga makanan dan kekurangan makanan bukan lagi bersifat domestik bagi negara tertentu tetapi sudah menjadi krisis antarabangsa. Pengarah Eksekutif Program Makanan Dunia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Josette Sheeran (2008), menggunakan terma 'tsunami senyap' (*silent tsunami*) untuk menggambarkan senario yang berlaku kini. Istilah tersebut amat bertepatan kerana kekurangan dan kenaikan harga makanan bukan sahaja menimbulkan masalah kelaparan dan kekurangan zat makanan, malah bakal menggugat keselamatan awam sesebuah negara.

Kesan 'tsunami senyap' ini juga terbukti apabila PBB merekodkan bahawa lebih 34 buah kerajaan menghadapi masalah rusuhan dan tunjuk perasaan terutamanya di benua Asia, Afrika, dan Amerika Latin. Tambahan pula, krisis ini juga berkeupayaan untuk menambah tekanan kemiskinan terhadap lebih 100 juta penduduk di seluruh dunia. Penduduk negara maju mampu berhadapan dengan krisis kenaikan harga makanan kerana mereka hanya berbelanja sekitar 15 peratus hingga 18 peratus daripada pendapatan mereka atas bahan ini. Sebaliknya, penduduk negara dunia ketiga, secara puratanya berbelanja 70 peratus daripada pendapatan mereka untuk membeli makanan. Justeru, kenaikan harga barang akan melemahkan permintaan mereka atas keperluan asasi yang lain seperti pendidikan dan kesihatan.

## II. PUNCA KRISIS MAKANAN

Pelbagai teori dan kajian telah dilakukan bagi mencari punca, kesan dan jalan penyelesaian kepada krisis ini. Antara faktor ketara yang menyumbang kepada krisis ini ialah perubahan cuaca akibat iklim dunia yang tidak menentu. Hal ini dibuktikan apabila 800,000 metrik tan beras musnah di Bangladesh akibat bencana puting beliung yang melanda. Selain itu, faktor permintaan yang meningkat secara mendadak terutamanya di negara-negara yang mula menikmati pertumbuhan ekonomi pesat seperti China dan India. Peningkatan kuasa beli daripada berbilion-bilion rakyat negara tersebut ternyata memberi dampak yang besar terhadap penawaran makanan di dunia sekaligus menyebabkan harga makanan melonjak naik.

Di samping itu, kegagalan polisi dan dasar sesebuah negara untuk memastikan bekalan domestik mencukupi bagi keperluan tempatan turut menjadi punca kepada krisis ini. Suatu pendekatan yang kurang bijak apabila sesebuah negara terlalu leka memajukan sektor perindustrian sehingga mengabaikan sektor pertanian. Krisis makanan ini diburukkan lagi dengan larangan eksport oleh negara-negara pengeluar demi memastikan bekalan makanan untuk keperluan domestik mencukupi seperti Vietnam, India, Kazakhstan, dan Mesir melarang eksport beras dan gandum. Tindakan negara tersebut memacu lagi peningkatan harga untuk negara-negara pengimport. Malaysia juga mengalami nasib yang sama apabila golongan petani yang dianggap sebagai "*the son of soil*", telah mendesak kerajaan menaikkan harga padi walaupun beras dikawal oleh kerajaan Malaysia.

Faktor-faktor lain adalah seperti corak pertanian yang cenderung kepada tanaman komoditi sahaja, kegiatan spekulasi dalam pasaran komoditi dunia, peningkatan penggunaan biobahan api di negara-negara maju, penggunaan tanaman makanan seperti jagung dan tebu untuk menghasilkan biobahan api, kenaikan harga minyak di peringkat global, dan kegiatan menyorok stok barang seperti beras.

## III. KRISIS MAKANAN DUNIA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Makanan merupakan antara keperluan asasi (*basic needs*) manusia untuk hidup, selain dari air, udara, tempat perlindungan dan pakaian. Tokoh ulama yang terkenal dalam bidang *maqasid al-syariah*, al-Shatibi (2006) telah meletakkan keperluan makanan dalam kategori *al-daruriyyat* yang memberi kesan langsung kepada kehidupan manusia itu sendiri. Oleh itu keperluan ini mesti dipenuhi bagi merealisasikan objektif *hifz al-nafs*. Al-Zuhayli (1997: 70) pula menyatakan bahawa al-Quran telah menyebut dengan jelas akan keharusan bagi individu yang terdesak (darurat) untuk memakan perkara-perkara yang diharamkan seperti bangkai dan daging babi. Ini jelas menunjukkan bahawa Islam amat menjaga kelangsungan hidup manusia yang melibatkan aspek kecukupan bekalan makanan.

Pada asasnya, sebarang usaha untuk menangani krisis makanan dunia boleh dikategorikan (*al-takyif al-fiqhi*) dalam bidang muamalat kerana ia melibatkan interaksi sesama manusia (*hablun min al-nas*), dengan menggabungkan aspek perancangan, inisiatif dan gerak kerja yang boleh mencapai hasil yang dimaksudkan. Oleh itu, apa-apa usaha dan kaedah boleh digunakan dengan syarat ia tidak bercanggah dengan syarak. Bagi menentukan sesuatu usaha adalah diiktibar menurut syarak (*masyru'*), aplikasi ilmu *Usul al-Fiqh*, *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah* dan *Maqasid al-Syari'ah* adalah amat penting memandangkan ia melibatkan perbincangan untuk menilai sesuatu perkara itu menurut perspektif Islam.

Dalam disiplin ilmu *Usul al-Fiqh*, untuk menentukan sesuatu perkara itu adalah disyariatkan atau tidak, ia mestilah bersandarkan dalil-dalil yang tertentu yang diterima dalam epistemologi Islam. Secara ringkasnya, dalil-dalil atau sumber hukum Islam dibahagikan kepada dua kategori iaitu:

- i. Sumber hukum yang disepakati menurut jumhur ulama yang meliputi al-Quran, hadis, ijmak dan qiyas.
- ii. Sumber hukum yang tidak disepakati menurut jumhur ulama, antaranya ialah *al-maslahah al-mursalah*, *al-'urf*, *sadd al-dhari'ah* dan *istihsan*. (Wahbah al-Zuhayli, 1998; Hasan Ahmad 2002).

Keutamaan sandaran adalah menggunakan dalil-dalil al-Quran dan hadis yang sahih untuk menentukan keharusan sesuatu usaha menurut dimensi syarak. Dalil-dalil lain juga boleh digunakan sebagai sokongan dalam perbincangan ini. Oleh itu, dapatlah dibuat pendirian awal bahawa mana-mana usaha yang selaras dengan al-Quran dan hadis-hadis yang sahih untuk menangani krisis makanan dunia adalah boleh dilaksanakan menurut perspektif Islam. Dari sudut aplikasi *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, antara kaedah-kaedah fiqh yang biasa digunakan dalam perbincangan ini adalah seperti berikut:

- i. *Al-dararuh yuzal* (kemudaratan hendaklah dihilangkan), dan pecahan-pecahan kaedahnya.
- ii. *Al-aslu fi al-asyya' al-ibahah* (hukum asal bagi sesuatu perkara adalah harus).

Manakala dari sudut *Maqasid al-Syari'ah* pula, sesuatu perkara itu akan dinilai sejauhmana ia boleh merealisasikan tujuan-tujuan syarak dalam pensyariatan hukum-hakam yang meliputi realisasi *masalah* dan manfaat (*jalb al-masalih*) serta penolakan sebarang kemudaratan dan mafsadah (*dar' al-mafasid*) dalam kehidupan insan. Menurut Wahbah al-Zuhayli (1998), secara ringkasnya *masalah* yang diiktibar oleh syarak terbahagi kepada tiga peringkat iaitu:

- i. *Al-daruriyyat* iaitu perkara-perkara asasi dalam kehidupan. Terdapat lima perkara asasi yang telah digariskan dalam Islam iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.
- ii. *Al-hajiyat* iaitu perkara-perkara keperluan.
- iii. *Al-tahsinat* atau *al-kamaliyyat* iaitu perkara-perkara penyempurnaan.

Dalam konteks krisis, sudah tentulah tumpuan diberikan kepada masalah peringkat *al-daruriyyat* yang melibatkan pihak kerajaan, swasta, NGO dan rakyat serta umat keseluruhannya.

#### IV. MENANGANI KRISIS MAKANAN DUNIA

Menyedari akan perancangan dan pelaksanaan dasar serta polisi negara-negara dunia sebelum timbul krisis makanan belum menampakkan kejayaan, maka menjadi suatu kemestian untuk disemak semula perancangan dan pelaksanaan tersebut. Rancangan dasar dan polisi tersebut perlu memfokuskan program untuk meningkatkan sekuriti makanan, memaksimumkan pembangunan tanah secara menyeluruh dan mengurangkan kadar inflasi menerusi peningkatan pendapatan rakyat. Tidak dapat dinafikan bahawa negara-negara tertentu seperti Jepun telah menoleh ke belakang untuk menyemak semula Rancangan Buku Hijau atau Bumi Hijau untuk meningkatkan tahap mampu diri. Di bawah program Buku Hijau atau Bumi Hijau, negara-negara dunia dapat mempratikkan semula beberapa konsep pertanian yang memerlukan komitmen rakyat negara mereka. Antara konsep tersebut ialah "*backyard farming*" iaitu menanam cili dalam pasu, menanam pokok buah-buahan di halaman rumah dan penternakan secara domestik. Manakala, di kawasan bandar boleh mengusahakan semula kaedah hidroponik iaitu tanaman di air tanpa tanah, secara giat. Jika berjuta-juta rakyat di dunia mampu melaksanakannya maka usaha tersebut mampu meningkatkan semula bekalan makanan tempatan dan mengurangkan pergantungan kepada import barang makanan serta membendung kenaikan harga barang makanan.

Dalam nada yang sama, Rancangan Buku Hijau bertepatan dengan kehendak Islam kerana Islam memang menganjurkan amalan pertanian dan mengiktirafnya sebagai salah satu aktiviti ekonomi yang penting untuk kelangsungan kehidupan manusia. Imam al-Qurtubi dalam al-Sayyid Sabiq (1365H: 134) menjelaskan bahawa pertanian adalah sebahagian daripada fardu kifayah. Oleh itu, pihak pemerintah berkewajipan mengerah sebahagian rakyatnya untuk menjalankan aktiviti pertanian. Ini demi memastikan rakyat mempunyai bekalan makanan yang mencukupi untuk kelangsungan hidup mereka.

Di samping itu, perlu ditubuhkan satu organisasi atau majlis di sesebuah negara yang bertindak sebagai “*task-force*” untuk menangani masalah kenaikan harga barang makanan. Majlis ini bertanggungjawab menangani permasalahan berkait dengan orang tengah yang selama ini memonopoli pengedaran barang keperluan sehingga menyebabkan jurang harga barangan di kebun dan di pasar raya begitu besar. Sekaligus, majlis ini dapat memecahkan monopoli oleh golongan pemodal dan pemilik estet pertanian terhadap pembekalan makanan seperti yang berlaku di Brazil dan di Argentina. Konsep agihan yang adil dan larangan memonopoli barang-barang keperluan asasi amat ditekankan dalam Islam. Al-Sayyid Sabiq (1365H: 114-115) memberikan definisi monopoli (*al-ihthikar*) iaitu membeli sesuatu barang dalam jumlah yang banyak lalu menyimpannya sehingga menyebabkan barang tersebut menjadi berkurangan di pasaran yang mengakibatkan harganya meningkat lalu memudaratkan masyarakat umum. Oleh itu, monopoli bahan makanan asasi adalah diharamkan jika memenuhi tiga syarat berikut:

- i. Makanan yang disimpan itu melebihi keperluan individu dan tanggungannya untuk tempoh setahun.
- ii. Individu yang menyimpan barang makanan sengaja menunggu waktu ketika harga barangan tersebut melonjak naik secara mendadak.
- iii. Monopoli berlaku ketika masyarakat sangat berkehendak kepada barangan tersebut.

Maka jelaslah bahawa Islam amat memberi perhatian kepada keperluan asas manusia seperti makanan asasi sehingga mengharamkan monopoli bahan makanan yang boleh membawa kepada kekurangan bahan makanan dalam pasaran ataupun kenaikan harga yang tinggi hingga memudaratkan masyarakat. Selain itu, negara-negara dunia perlu mengamalkan dasar “*self-sufficient*” iaitu menjamin kecukupan bekalan makanan. Jaminan makanan (*food security*) memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi dan harganya mampu dibayar oleh semua lapisan masyarakat. Tambahan pula, stok penimbal boleh diwujudkan untuk memastikan harga barangan keperluan terus stabil dan bekalannya sentiasa mencukupi. Dalam konteks ini kita boleh mengambil pengajaran dari kisah Nabi Yusuf yang mencadangkan polisi jaminan sekuriti makanan untuk menghadapi kegawatan yang melanda sesebuah Negara (al-Quran, 12: 43-49).

Sehubungan dengan itu, perlu dipelbagaikan hasil pertanian mereka. Langkah ini menuntut supaya keluasan tanah dioptimumkan dengan pelbagai hasil pertanian. Usaha ini adalah bertujuan untuk mengurangkan trend pertanian di seluruh dunia pada hari ini yang lebih menjurus kepada spesifikasi satu negara satu produk pertanian. Misalnya, jika negara Hawaii terkenal dengan tanaman betik, maka demi mendapatkan keperluan beras mereka perlu mengimport dari Thailand. Keadaan ini memberi risiko yang tinggi kepada negara-negara pengimport apabila mereka sendiri tidak menanam tanaman keperluan di dalam negara sendiri. Justeru, kepelbagaian hasil pertanian mampu mengurangkan pergantungan kepada sesuatu hasil tanaman.

Kini, kepakaran bioteknologi boleh dianggap antara penyelesaian kepada krisis makanan global dan memastikan tiada penduduk dunia yang kelaparan pada masa depan. Bioteknologi merupakan alat yang boleh dimanfaatkan kerana pemilihan baka atau benih yang dihasilkan mempunyai ciri-ciri lebih baik sama ada cepat matang, hasil lebih tinggi dan tahan penyakit. Teknologi tersebut dapat membantu

pengeluaran makanan yang asas seperti padi, gandum dan jagung, meskipun wujud prejudis daripadanya. Justeru, masyarakat juga perlu ada kesedaran tentang ilmu saintifik supaya dapat menerima makanan berteknologi tinggi ini kerana ia dapat dihasilkan dengan meminimumkan penggunaan tanah. Pada dasarnya Islam menerima kemajuan teknologi kerana ia termasuk dalam kategori *al-hikmah* (kebijaksanaan) yang boleh dimanfaatkan untuk masalah umum. Sabda Nabi SAW:

الكَلِمَةُ الْحَكِيمَةُ ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِ فَحَيْثُ وَجَدَهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا.

Kata-kata bijaksana itu adalah merupakan kehilangan orang-orang mukmin, maka di mana sahaja dia mendapatinya maka dia lebih berhak ke atasnya.

Riwayat al-Tirmidhi: 2687; Ibn Majah: 4169.

## V. KESIMPULAN

Oleh itu, krisis makanan ini perlu ditangani oleh negara-negara dunia secara kolektif agar inisiatif yang dirancang berjaya dilaksanakan secara efektif. Langkah-langkah mengkaji semula dasar kerajaan, penubuhan majlis serantau, pelaksanaan skim bantuan kewangan, menambahkan sekuriti makanan, penggunaan bioteknologi dan mengkaji semula FTA mampu membuah hasil jika kerajaan sesebuah negara begitu serius dalam hal ini. Malah, tidak dinafikan langkah-langkah tersebut bertepatan dengan kehendak Islam. Dalam konteks krisis, sudah tentulah tumpuan diberikan kepada masalah peringkat *al-daruriyyat* yang melibatkan pihak kerajaan, swasta, NGO dan rakyat serta umat keseluruhannya. Pada asasnya, sebarang usaha untuk menangani krisis makanan dunia dikategorikan (*al-takyif al-fiqhi*) sebagai bidang muamalat kerana ia melibatkan interaksi sesama manusia (*hablun min al-nas*), dengan menggabungkan aspek perancangan, inisiatif dan gerak kerja yang boleh mencapai hasil yang dimaksudkan.

## RUJUKAN

- (1) Al-Quran al-Karim
- (2) 'Aliyy Allah, Abdul Raziq (2009). *Dawr al-Dawlah fi al-Iqtisad al-Islami* (The Role of State in Islamic Economic), in Proceeding: International Seminar on Muamalat, Islamic Economic and Finance 2009. Organized by Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, UKM, Malaysia, 20-21 October 2009.
- (3) Al-Sayyid Sabiq (1365H). *Fiqh al-Sunnah* (vol. 3). Kaherah: Al-Fath li al-I'lam al-'Arabi.
- (4) Al-Shatibi, Abu Ishaq (2006). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah* (tahqiq: Dr. Muhammad al-Iskandarani dan 'Dnan Darwisy). Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- (5) Al-Tirmizi, *Sunan al-Tirmizi*. Riyadh: Dar al-Ma'arif
- (6) Al-Zuhayli, Wahbah (1997). *Nazariyyah al-Darurat al-Syar'iyah Muqaranah ma'a al-Qanun al-Wad'i*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- (7) Al-Zuhayli Wahbah (1998). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Cetakan 2. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- (8) Fatimah Mohamed Arshad & Mad Nasir Shamsudin (2007). *Pemasaran Makanan di Malaysia: Transformasi dan Implikasi Polisi*. Economic and Technology Management Review, (2), 45-61.

- (9) Hasan Ahmad (2002). *Usul al-Fiqh*. Cetakan 3. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid.
- (10) Hasan, Zubair and Lehar, Habibah (2011). *Fundamental of Microeconomics*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- (11) Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-M'arifah.
- (12) Muhammad Hisyam Mohamad.(2008).*Krisis Makanan Dunia dan Jaminan Makanan (Food Security)*, Majalah Kefahaman Islam (VISI), Bil. 88. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur.
- (13) Murat Cizakca (2011). *Islamic Capitalism and Finance: Origins, Evolution and the Future*. UK: Edward Elgar Publishing Limited.
- (14) Noorfazreen Mohd Aris & Asmak Ab Rahman (2010). *Perlaksanaan Dasar Sekuriti Makanan di Malaysia: Kajian dari Perspektif Ekonomi Islam*, dalam Prosiding: Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-5 2010. Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, 15-17 Oktober 2010.